

06/03/2004

Langkawi mantapkan pelancongan Kedah

Wan Jailani Razak

KETIKA suhu sejuk melampau menusuk tulang hitam menjadi rungutan penduduk di benua Eropah, mereka pastinya mengimpikan destinasi menarik untuk berjemur sambil bersantai di tepi pantai di bawah terik matahari.

Ketika suhu panas melampau menerjah kulit merimaskan penduduk di benua Afrika dan negara padang pasir, mereka tentu terbayangkan betapa selesanya berteduh di bawah pohon kelapa sambil menghirup air kelapa muda.

Bukan setakat itu, ketika kereta bergerak amat perlahan di rangkaian jalan raya yang berselirat di Kuala Lumpur, warga kota pasti terfikir untuk lari sejenak daripada kesibukan kota.

Bagi memenuhi keinginan mereka, Langkawi yang menjadi aset utama pelancongan Kedah, adalah pilihan bijak daripada senarai panjang destinasi menarik untuk dilawati di Malaysia. Ini kerana Langkawi memiliki kelebihan tiga 'S' iaitu laut, pasir dan matahari berbanding Bali di Indonesia dan Phuket di Thailand.

Pulau peranginan Langkawi mencatat kemasukan 1,981,946 pelancong tempatan dan asing tahun lalu, sedikit meningkat berbanding statistik kemasukan pelancong pada tahun sebelumnya, 1,916,451.

Walaupun kemasukan pelancong tahun lalu berbanding 2002 hanya meningkat 65,495 orang, jumlah itu boleh dibanggakan ketika dunia dilanda kebimbangan mengenai soal keselamatan.

Ini berikutan serangan ke atas Amerika Syarikat (AS) pada 11 September, pergolakan di Iraq, Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu sehingga kini.

Disember mencatat kemasukan pelancong paling ramai dengan 257,494 orang berikutan musim cuti persekolahan yang panjang dan cuti perayaan.

Berdasarkan statistik kemasukan pelancong bagi 2003 yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Januari mencatat kemasukan 126,328 orang, Februari (174,837), Mac (140,300), April (113,951), Mei (150,028), Jun (160,753), Julai (139,429), Ogos (173,916), September 200,211), Oktober (187,173) dan November (157,526).

Daripada 1,981,946 pelancong ke pulau bebas cukai itu tahun lalu, 1,560,901 memasuki Langkawi menerusi Jeti Kuah manakala Jeti Star Cruise di Tanjung Malai, 61,244 orang.

Seramai 320,595 pelancong pula tiba menerusi penerbangan domestik di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat manakala penerbangan antarabangsa, 39,206 orang.

Warga negara Thailand paling ramai melawat Langkawi bagi kategori negara Asean, berjumlah 58,635 orang, diikuti Singapura (27,815), Indonesia (9,964), Filipina (1,977) dan Brunei Darussalam (123).

Ini membuktikan walaupun Langkawi mempunyai pesaing yang kuat iaitu Phuket, Thailand ia tetap mempunyai tarikan tersendiri di kalangan pelancong asing termasuk dari negara jiran itu sendiri.

Bagi kategori negara Asia Timur pula, pelancong dari China mencatat jumlah kemasukan paling ramai dengan 5,340 orang, diikuti Jepun (4,994), Hong Kong (3,304), Korea Selatan (1,440) dan Taiwan (323).

Langkawi juga menerima kemasukan pelancong yang ramai dari Australia dengan 5,861 orang, New Zealand (1,731) dan negara di timur Eropah seperti Russia, seramai 1,170 orang, mungkin hasil publisiti Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima).

Selain itu, seramai 2,455 orang pelancong Amerika Syarikat dan 1,224 orang pelancong Kanada turut melawat Langkawi. Lada mensasarkan dua juta

pelancong melawat Langkawi pada tahun ini.

Berikutan itu, Lada yang kini diterajui Pengurus Besarnya, Datuk Anwar Abdul Rahman sudah merangka beberapa strategi untuk meningkatkan jumlah kemasukan pelancong dengan memperhebatkan promosi pelancongan di dalam dan luar negara.

Usaha Penerbangan Malaysia (MAS) menyediakan penerbangan terus London-Langkawi sejak Oktober lalu dan penerbangan sewa khas dari beberapa negara Asia dan Eropah, turut membantu meningkatkan jumlah pelancong ke Langkawi.

Langkawi menerima kemasukan 209,793 pelancong pada 1986, diikuti 310,004 orang pada 1987, 1988 (424,778), 1989 (658,993), 1990 (783,687), 1991 (879,252), 1992 (1,046,919), 1993 (1,321,301), 1994 (1,598,126), 1995 (1,795,406), 1996 (1,712,639), 1997 (1,622,044), 1998 (1,295,341) 1999 (1,559,528), 2000 (1,810,460) dan pada 2001, seramai 1,919,113 orang.

Persinggahan sehari ke Langkawi pasti tidak mencukupi kerana terlalu banyak tempat menarik yang kini menjadi destinasi mesti lawat, perlu dilawati. Lawatan ke Langkawi tidak lengkap jika pelancong tidak berkesempatan menaiki perkhidmatan kereta kabel ke puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Selain itu, Underwater World Langkawi di Pantai Cenang, Taman Burung Langkawi di Kampung Belanga Pecah, Taman Buaya di Jalan Datai, Taman Ular di Kampung Tok Senik, Summer Palace di Pantai Kok, Oriental Village di Teluk Berau dan banyak lagi untuk disebut satu persatu.

Penganjuran acara bertaraf dunia di Langkawi juga banyak membantu menjana industri pelancongan di Kedah. Antaranya Lima, Ironman Malaysia Langkawi, Regatta Perdana Antarabangsa Langkawi dan lumba go-kart di Pantai Cenang.

Acara lumba basikal berprestij, Le Tour de Langkawi walaupun tidak bermula di Langkawi tahun ini, dijangka kembali ke tempat asalnya berikutan usaha Kedah untuk berbincang dengan Kementerian Belia dan Sukan serta penganjur mengenai perkara itu.

Terbaru Telaga Harbour Park, di Pantai Kok, Langkawi, yang dibangunkan berkonsepkan pembangunan ala-Mediterranean, kini muncul sebagai bandar pelabuhan kecil yang menjadi pintu masuk baru ke pulau peranginan itu.

Apatah lagi, bandar pelabuhan itu dilengkapi pusat sehenti bagi Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Imigresen, stesen minyak Petronas, kemudahan bank, pejabat pos, marina, kafe dan pelbagai kemudahan lain.

Apa yang pasti, Langkawi tetap menarik minat pelancong walaupun sebelum ini banyak pihak bimbang industri pelancongan pulau legenda itu muram selepas persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Berdasarkan kedatangan pelancong ke pulau itu, ternyata prasarana yang dibangunkan dan promosi yang dijalankan terhadapnya pada era Dr Mahathir, terus kukuh bagi menghadapi saingan dan masa.

Dalam pada itu, aspek keselamatan, budaya hidup penduduk dan persekitaran yang menarik antara faktor tarikan pelancong asing ke Langkawi. Suasana di pulau itu yang tidak sibuk dan bising, juga sesuai untuk menenangkan fikiran.

Tempahan yang terus meningkat diterima pihak hotel, chalet dan pengusaha pelancongan termasuk feri serta pengangkutan darat dan udara menunjukkan pulau peranginan itu terus bertahan dari segi kedatangan pelancong.

Sambil mengakui pulau peranginan bertaraf antarabangsa Langkawi sebagai aset pelancongan paling berharga bagi Kedah, Menteri Besarnya, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata pelbagai produk pelancongan dipertingkatkan, termasuk aktiviti berunsurkan kebudayaan serta kemudahan membeli-belah bebas cukai di pulau itu bagi mengekalkan daya tarikannya.

Pada masa sama, katanya, kerajaan menggalakkan swasta untuk mengeksploitasi dan mempelbagaikan produk pelancongan yang sedia ada meliputi aspek kebudayaan, pertanian, kesihatan dan pendidikan.

Katanya, aspek sejarah juga akan ditonjolkan dalam usaha menarik pelancong, sesuai dengan kedudukannya sebagai negeri yang mempunyai salasilah kesultanan tertua di dunia bermula sejak 634 Masihi, berdasarkan sisa peninggalan sejarah di Lembah Bujang, Kota Sungai Mas, Kuala Muda dan Alor Star. Ia juga adalah negeri kemasukan Islam yang pertama di rantau ini sejak 1136.

Selain itu, katanya, Kedah mempunyai banyak kawasan tarikan air untuk rehat dan riadah termasuk Tasik Pedu, Tasik Dayang Bunting di Langkawi, Ampang Jajar yang sesuai bagi kegiatan sukan air, pantai yang indah seperti Pantai Cenang, Pantai Kok, Pantai Pasir Hitam, Pantai Tengah dan Teluk Datai di Langkawi.

Kedah juga mempunyai lokasi air terjun seperti Lata Bukit Hijau, Telaga Tujuh di Langkawi, Taman Laut Pulau Payar dan Sedim. Pulau Singa Besar yang disifatkan sebagai satu lagi keajaiban dunia yang baru ditemui, misalnya, bakal muncul sebagai sebuah pusat pelancongan khusus untuk penyelidikan.

Kedah juga akan membaik pulih beberapa lokasi bersejarah seperti Balai Besar dan Istana Lama di Alor Star. Berdasarkan aset pelancongan itulah, Kedah dijangka terus menggamit pelancong yang mahu menambah senarai destinasi paling menarik pernah mereka lawati.